

**SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)**  
**BERKAITAN BIASISWA KARANGKRAF**  
Edisi : 13hb April 2020

## **KANDUNGAN**

- I. LATAR BELAKANG BIASISWA KARANGKRAF**
- II. ISU-ISU BERKAITAN SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**
- III. CARA-CARA MEMOHON & TEMPOH PEMROSESAN**
- IV. JENIS PEMBIAYAAN & PROGRAM YANG DITAWARKAN**
- V. TAWARAN PEKERJAAN SELEPAS TAMAT BELAJAR**
- VI. TALIAN YANG BOLEH DIHUBUNGI**



### **I. LATAR BELAKANG BIASISWA KARANGKRAF**

#### **1. Apa itu BIASISWA KARANGKRAF?**

Biasiswa Karang kraf adalah biasiswa yang diberikan kepada pelajar yang berkelayakan menyambung pengajian di IPTS yang terpilih. Ianya merupakan satu inisiatif CSR yang dibentuk oleh Karang kraf bagi memastikan semua pelajar tidak terlepas peluang dalam melanjutkan pengajian yang lebih tinggi walaupun berasal dari keluarga yang kurang berkemampuan.

#### **2. Kenapa Biasiswa Karang kraf tidak membiayai pelajar ke IPTA?**

Kebiasaannya pelajar yang mendapat tawaran ke IPTA adalah golongan pelajar yang cemerlang dan mudah mendapat bantuan pelajaran mahupun penajaan dari pelbagai organisasi. Objektif Biasiswa Karang kraf adalah untuk memberi peluang kepada pelajar yang mendapat keputusan kurang cemerlang namun masih berpotensi untuk meneruskan pengajian di IPTS.

## II. ISU-ISU BERKAITAN SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

### 3. Apakah syarat-syarat asas untuk memohon?

- Warganegara Malaysia yang berumur tidak lebih 25 tahun
- Memperoleh keputusan sekurang-kurangnya 8 kepujian bagi lepasan SPM atau CGPA 3.00 bagi lepasan STPM/Matrikulasi/Diploma atau yang setaraf dengannya
- Bergiat aktif dalam aktiviti sukan & kokurikulum
- Tidak terikat dengan sebarang pembiayaan atau pinjaman pelajaran
- Telah menerima SURAT TAWARAN di IPTS yang terpilih (rujuk senarai IPTS)
- Pendapatan isi rumah tidak lebih RM 5,000 sebulan

### 4. IPTS manakah yang tersenarai di bawah tajaan Biasiswa Karang kraf?

- KLMUC
- UNISEL
- SEGI University
- UNIRAZAK
- UNITAR

*Nota : Perubahan terhadap senarai ini bergantung atas kekosongan kuota permohonan dalam masa tertentu.*

### 5. Saya mendapat 9A dan mendapat tawaran belajar di IPTA. Bolehkah saya memohon?

Harap maaf, biasiswa kami hanya ditawarkan kepada pelajar di IPTS terpilih sahaja.

### 6. Saya sedang belajar di semester 2. Bolehkah saya memohon ?

Keutamaan diberikan kepada pelajar di semester 1. Walau bagaimanapun, anda masih boleh cuba memohon.

### 7. Saya belum mendapat mana-mana tawaran di universiti, bolehkah saya memohon?

Pelajar perlu mendapatkan SURAT TAWARAN yang mengesahkan anda diterima masuk belajar ke IPTS tersebut dan surat tawaran itu perlu dilampirkan bersama Borang Permohonan Biasiswa yang telah lengkap diisi.

### 8. Pendapatan ibu & bapa saya melebihi dari syarat yang ditetapkan, adakah saya masih boleh memohon?

Keutamaan diberikan kepada pelajar yang memenuhi syarat-syarat asas. Walau bagaimanapun, pelajar masih boleh cuba memohon kerana ada beberapa faktor lain yang boleh dipertimbangkan mengikut kesesuaian situasi semasa.

**9. Keputusan saya tidak mencukupi 8 kredit. Adakah permohonan saya akan diterima?**

Keutamaan diberikan kepada pelajar yang memenuhi syarat-syarat asas. Walau bagaimanapun, pelajar masih boleh cuba memohon.

**10. Saya telah mendapat tawaran belajar di IPTA dan saya juga maklum Karang kraf hanya menaja IPTS yang tersenarai sahaja. Adakah saya masih boleh cuba memohon.**

Harap maaf. Kami hanya menaja IPTS yang tersenarai sahaja.

**11. Adakah saya boleh memohon bantuan dana untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara?**

Harap maaf. Kami tidak menyediakan bantuan yang sedemikian.

**12. Sekiranya saya mempunyai adik beradik yang telah ditaja oleh Biasiswa Karang kraf, adakah saya masih boleh memohon?**

Keutamaan diberikan kepada keluarga yang masih belum menerima sebarang tajaan Karang kraf sebelum ini. Namun demikian, pelajar masih dibenarkan untuk cuba memohon.

**III. CARA-CARA MEMOHON & TEMPOH PEMROSESAN**

**13. Bagaimana saya ingin mendapatkan Borang Permohonan Biasiswa Karang kraf?**

Borang permohonan boleh didapati di [www.karangkraf.com/biasiswa-karangkraf](http://www.karangkraf.com/biasiswa-karangkraf)

**14. Kepada siapa saya perlu hantar borang yang telah lengkap diisi?**

Borang yang telah lengkap boleh dihantar ke alamat berikut :

SEKRETARIAT BIASISWA KARANGKRAF  
KUMPULAN KARANGKRAF  
LOT 2, JALAN SEPANA 15/3  
SEKSYEN 15, 40200  
SHAH ALAM.

**ATAU** boleh juga dihantar melalui emel yang disimpan dalam **format PDF** ke [danapendidikan@karangkraf.com](mailto:danapendidikan@karangkraf.com)

**15. Berapa lamakah tempoh pemprosesan diambil?**

Sekurang-kurangnya 1- 2 bulan dari tarikh borang permohonan yang lengkap diterima.

**16. Apakah yang akan berlaku sekiranya saya tidak mengisi borang permohonan dengan lengkap?**

Borang permohonan anda tidak akan diproses.

**17. Sekiranya permohonan saya tidak berjaya, adakah saya boleh membuat rayuan?**

Boleh. Surat rayuan tersebut mestilah menyatakan alasan yang munasabah dan hantar terus ke Sekretariat Biasiswa Karang kraf melalui salah satu cara yang dinyatakan di soalan 14.

**18. Adakah saya akan melalui proses temuduga terlebih dahulu sebelum ditawarkan?**

Bergantung atas keputusan panel.

**19. Sekiranya saya gagal dalam permohonan, adakah saya akan dimaklumkan?**

Hanya pelajar yang berjaya sahaja akan mendapat maklum balas.

**20. Bilakah waktu yang sesuai untuk saya hubungi dan bertanya tentang keputusan permohonan ?**

Dalam tempoh selepas 2 bulan memohon.

**IV. JENIS PEMBIAYAAN & PROGRAM YANG DITAWARKAN**

**21. Adakah pembiayaan ini termasuk yuran pendaftaran yang perlu dibayar pada kali pertama mendaftar di IPTS?**

Tidak. Yuran pendaftaran kali pertama harus dibayar sendiri oleh pelajar. Jumlah bayaran bergantung atas kos yang ditetapkan oleh IPTS berkenaan. Karang kraf hanya menaja yuran semester sahaja sehingga pelajar tamat pengajian.

**22. Adakah biasiswa ini termasuk penajaan buku-buku, alatan pembelajaran dan kos sara diri ?**

Tidak. Biasiswa Karang kraf hanya menaja yuran pengajian sepenuhnya sahaja.

**23. Adakah yuran biasiswa akan dipindahkan ke akaun pelajar pada setiap semester?**

Tidak. Karang kraf akan berurusan terus dengan pihak IPTS berkaitan yuran pengajian. Tiada transaksi yang melibatkan akaun pelajar mahupun pihak ketiga.

**24. Bagaimana saya ingin mengetahui program yang bersesuaian dengan saya untuk meneruskan pengajian?**

Pelajar boleh berbincang dengan ibu bapa dan juga guru kaunselor di sekolah untuk mendapatkan pandangan. Berkaitan program yang ditawarkan, pelajar boleh menyemak sendiri dengan melayari laman web IPTS yang tersenarai di bawah tajaan Karang kraf.

**V. TAWARAN PEKERJAAN SELEPAS TAMAT BELAJAR**

**25. Adakah saya perlu bekerja dengan Karang kraf sebaik sahaja tamat belajar?**

Salah satu syarat tajaan biasiswa adalah berkhidmat dengan Karang kraf setelah tamat belajar. Walau bagaimanapun, ia bergantung atas **kelayakan dan kekosongan** jawatan pada masa tersebut.

**26. Setelah saya tamat belajar, adakah saya dijamin mendapat pekerjaan di Karang kraf?**

Tawaran pekerjaan di Karang kraf selepas pelajar tamat belajar adalah bergantung atas **kelayakan dan kekosongan** jawatan pada masa tersebut.

**27. Adakah saya boleh mencari kerja di tempat lain setelah tamat belajar?**

Boleh, sekiranya anda tidak ditawarkan bekerja di Karang kraf dalam satu tempoh yang dinyatakan dalam borang perjanjian dan telah mendapat surat pelepasan kontrak dari Biasiswa Karang kraf.

**VI. TALIAN YANG BOLEH DIHUBUNGI**

Alamat : **SEKRETARIAT BIASISWA KARANGKRAF  
KUMPULAN KARANGKRAF  
LOT 2, JALAN SEPANA 15/3  
SEKSYEN 15, 40200  
SHAH ALAM.**

Emel : [danapendidikan@karangkraf.com](mailto:danapendidikan@karangkraf.com)

Telefon : **03 5101 7560**

**NOTA** : Sepanjang tempoh **Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)**, pegawai kami boleh dihubungi melalui emel yang tertera. Segala kesulitan amat dikesali.